

Meningkatkan Peratus Penggunaan Perancang Keluarga Kod 1 Di Kalangan Wanita Berisiko Umur Reproduksi di Pejabat Kesihatan Daerah Besut

QLL119



Penulis Che Juleynawani J.,
Norhasma D, Anita J, Maslina A, Nik Anieza NM

PEMILIHAN PELUANG UNTUK PENAMBAHBAIKAN

Kepentingan penggunaan perancang keluarga Kod 1 adalah bertujuan untuk menanggukkan kehamilan sehingga tahap kesihatan yang optima.

Kod 1 bermaksud kaedah perancang keluarga yang berkesan iaitu kaedah sterilisasi (vasektomi, ligasi tiub), kaedah kontraseptif hormonal (oral, suntikan, implan) dan kaedah alat dalam rahim. Kesan tidak mengamalkan kod 1 mengakibatkan sebanyak 52.9% kes kematian ibu pada tahun 2012-2014 disebabkan masalah kesihatan.

ANALISIS DAN INTERPRETASI

Beberapa faktor telah dikenalpasti menyumbang kepada pemasalahan tersebut iaitu kurang persetujuan klien untuk mengambil kod 1 (60.5%), cicir temujanji (50%), kurang kemahiran dikalangan anggota (50.5%) dan program PPC yang tidak sistematik (87.5%).



KESAN PENAMBAHBAIKAN

Penilaian semula dibuat dalam kitaran 2 mendapati peningkatan peratusan penggunaan perancang keluarga Kod 1 dari 38.31% kepada 68.29% (fasa 1) dan meningkat kepada 82.07% (fasa 2)



PENGUKURAN UTAMA PENAMBAHBAIKAN

Kajian ini mengukur peratus penggunaan perancang keluarga kod 1 bagi wanita berdaftar 'Pre-Pregnancy Care' (PPC) mengikut sasaran KPI yang ditetapkan oleh Pejabat Kesihatan Daerah Besut iaitu $\geq 80\%$.

LANGKAH SETERUSNYA

Penggunaan Combo PPC secara meluas agar wanita yang berisiko akan mendapat info melalui penggunaan QR Code pendidikan kesihatan yang dibekalkan dan ianya di gunakan di semua fasiliti kesihatan di seluruh Negeri Terengganu.


PROSES PENGUMPULAN MAKLUMAT

Satu kajian Hirisan lintang telah dilakukan secara retrospektif bagi kajian verifikasi. Data penggunaan perancang keluarga Kod 1 bagi wanita berisiko yang berdaftar PPC telah diambil dari bulan Julai sehingga Disember 2022. Kajian melalui borang kaji selidik telah dijalankan keatas 50 orang anggota dan 100 orang responden dari klien yang berdaftar PPC.

STRATEGI PENAMBAHBAIKAN

Strategi penambahbaikan dilaksanakan dengan mewujudkan klinik PPC yang lebih bersistematik, carta alir yang selaras serta mencipta satu kaedah untuk pendidikan kesihatan yang berkesan iaitu Combo PPC.

QR CODE Pendidikan Kesihatan



Combo PPC



PENGHARGAAN DAN RUJUKAN

- PKD Besut Besut, JKN Terengganu, Kejururawatan Negeri Terengganu
- Buku Garis Panduan Perkhidmatan Pra Kehamilan (PPC) di penjagaan Kesihatan Primer, Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga (Pindaan 2023).
- Manual Perkhidmatan Kesihatan Ibu dan Anak Bagi Anggota Kejururawatan di Perkhidmatan Kesihatan Awam, 2016